

*Ke Pekan Kuala membeli bingka,  
Sayang pesanan terlupa sudah,  
Majlis bermula tirai dibuka,  
Dengan alunan madah yang indah.*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Terima kasih saya ucapkan kepada pengerusi majlis.

Yang diraikan **Puan Zarina binti Abdul Rahman**, Pengetua SMK Bukit Sentosa

Yang berusaha :

Barisan Penolong Kanan, Guru-Guru Kanan Mata Pelajaran, Guru-guru SMK Bukit Sentosa serta sahabat-sahabat seperjuangan sekalian.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini sempena majlis persaraan pengetua kita, Puan Zarina binti Abdul Rahman.

Saya **Muhammad Izzul Akmal Bin Mohd Nazir** selaku ketua murid, mewakili murid-murid SMK Bukit Sentosa ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan yang diraikan **Puan Zarina** kerana telah banyak menabur bakti dan mencurahkan ilmu buat kami. Sesungguhnya segala ilmu yang cikgu curahkan amat bermakna buat kami. Tidak lupa juga titipan kata-kata nasihat cikgu kepada kami, murid-murid SMK Bukit Sentosa.

Hanya doa yang mampu kami titipkan kepadamu cikgu sebagai ganti atas segala pengorbanan dan curahan ilmu yang pernah diberikan. Semoga Allah merahmati setiap apa yang dilakukan oleh Cikgu selepas ini dan sentiasa diberikan kesihatan tubuh badan yang baik untuk meneruskan kehidupan selepas bersara nanti.

Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata. Benarlah kata pepatah, yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti, namun yang hilang tidak akan sama dan akan tetap kekal dalam ingatan. Begitulah juga dengan bersarnya Cikgu selepas ini, maka tiada lagi kelibat Cikgu di SMKBS, namun memori kita bersama tetap utuh dalam ingatan kami semua murid.

Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya berpantun buat insan yang diraikan.

*Buah pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan,  
Walau jauh beribu batu,  
Hilang di mata di hati jangan.*

*Salam kemaafan kami hulurkan,  
Semoga kemesraan terus berpanjangan,  
Ilmu diberi harap halalkan,  
Semoga perjuangan kami mendapat keberkatan.*

Akhirnya, saya Ketua Murid SMK Bukit Sentosa mewakili semua murid SMK Bukit Sentosa ingin memohon ampun dan maaf seandainya ada tingkah laku dan perbuatan kami yang menyinggung hati dan perasaan cikgu sama ada disedari mahupun tidak disedari.

Halalkan segala ilmu yang telah cikgu berikan kepada kami selama ini. Terima kasih atas segala-galanya. Terima kasih cikgu.